

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 MARCH 2015

Najib ucap terima kasih kepada polis

Um - 28/3/2015

KUALA LUMPUR 27 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas segala pengorbanan pasukan keselamatan itu demi memelihara keamanan negara.

Menurut Perdana Menteri, profesion kepolisan merupakan kerjaya yang sangat mulia kerana pengorbanan setiap anggota polis untuk memastikan rakyat negara ini sentiasa berasa selamat tidak ternilai harganya.

“Walaupun terdapat sesetengah pihak kadang-kala mempertikai polis, namun jangan sesekali kita lupa bahawa tugas pasukan PDRM sentiasa berdepan risiko kerana melibatkan operasi membanteras jenayah.

“Mereka berdepan dengan kumpulan kongsi gelap dan pengganas yang berbahaya. Jangan kita lupa ramai anggota polis yang terkorban di medan tempur meninggalkan keluarga tersayang,” katanya.

Najib berkata demikian menerusi siaran radio hari ini sempena Sambutan Hari Polis Ke-208.

Kelmarin, Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Polis di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini menegaskan bahawa tiada tempat untuk kebebasan mutlak tanpa rasa tanggungjawab di negara ini.

Pada masa yang sama, beliau juga mempertahankan kepent-



Mereka berdepan dengan kumpulan kongsi gelap dan pengganas yang berbahaya. Jangan kita lupa ramai anggota polis yang terkorban di medan tempur meninggalkan keluarga tersayang.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

ingan Akta Hasutan dikekalkan dan menyokong langkah kerajaan merangka Rang Undang-Undang Anti Keganasan (POTA) bagi menangani ancaman ekstremisme.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengajak seluruh rakyat agar menghargai dan memberi sokongan kepada PDRM kerana tanpa pasukan tersebut, mustahil masyarakat dapat menikmati nikmat keamanan seperti sekarang.

“Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas kepada mereka yang mempunyai keinginan menyumbang kepada negara melalui PDRM, saya gembira penyertaan anak muda sebagai anggota polis meningkat,” katanya.